



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD KELUARKAN SURAT TUNJUK SEBAB TERHADAP SYARIKAT BILLION STARS EXPRESS

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius insiden tular baru-baru ini yang melibatkan cara pemanduan seorang pemandu bas ekspres yang didakwa memandu secara berbahaya dan berisiko tinggi sehingga boleh membahayakan keselamatan penumpang serta pengguna jalan raya.
2. APAD kini sedang menjalankan siasatan terhadap sebuah bas ekspres bernombor pendaftaran BSB 4999 milik syarikat Billion Stars Express Sdn. Bhd. Sebagai pemegang Lesen Pengendali Kenderaan Perkhidmatan Awam, syarikat tersebut disiasat di bawah peruntukan berikut:
 - (i) **Seksyen 22(1)(b)(iii), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]** — berhubung kelakuan pemandu dan konduktor kenderaan perkhidmatan awam;
 - (ii) **Seksyen 23(1)(b)** — kegagalan pengendali berlesen dan pekerjaanya memberikan keutamaan tertinggi kepada keselamatan penumpang serta pengguna jalan raya; dan
 - (iii) **Perkara 7, Syarat Am Keperluan Tahap Perkhidmatan (KTP)** — pengendali berlesen bertanggungjawab memastikan pekerja dan pemandu sentiasa menjaga tingkah laku semasa beroperasi.
3. Sehubungan itu, selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah **Seksyen 27 Akta 715, APAD telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab (STS) pada 16 April 2026** terhadap syarikat berkenaan.
4. Perkara ini akan disusuli dengan tindakan penggantungan atau pembatalan lesen sekiranya didapati berlaku pelanggaran terhadap mana-mana syarat Lesen Pengendali berdasarkan Seksyen 27 Akta 715.

5. Dalam masa yang sama, APAD menyeru seluruh komuniti MADANI agar menyalurkan laporan berkaitan sebarang salah laku atau pelanggaran undang-undang oleh individu atau pemegang lesen perkhidmatan pengangkutan awam melalui saluran berikut:

- **Talian Aduan MOT: 1-800-88-7723**

- **WhatsApp: +6019-290 7723**

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
18 APRIL 2026

##TAMAT##

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my